



03 JUL, 2026

TNB tanam 25,000 pokok paya bakau

Sinar Harian, Malaysia



TNB tanam 25,000 pokok paya bakau

MANJUNG - Tenaga Nasional Bhd (TNB) terus memperkukuh agenda kelestarian alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) menerusi program penanaman 25,000 pokok bakau di Hutan Paya Bakau Tanjung Burung, Pantai Remis.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Shamsul Ahmad berkata, program di bawah inisiatif My Brighter Green Initiative (MBGI) itu bukan sahaja memulihara ekosistem hutan paya bakau, malah meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pemuliharaan ekosistem pesisir, biodiversiti dan penglibatan komuniti dalam agenda kelestarian.

"Melalui penanaman pokok bakau ini, kita dapat meningkatkan kapasiti penyerapan karbon, mengurangkan hakisan pantai dan pada masa sama memulihkan ekosistem yang menjadi habitat pelbagai spesies hidupan seperti ikan dan ketam.

"Selain itu, pemuliharaan hutan bakau juga selari dengan kedudukan beberapa stesen jana kuasa TNB yang terletak di pesisir pantai," katanya.

Program itu turut melibatkan penyertaan kira-kira 70 pelajar dan guru dari Sekolah Menengah Agama Rakyat Tarbiyyatul Ajjal, Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Idris, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Tit Bin dan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Pengkalan Baru, warga kerja TNB, komuniti setempat serta pelbagai agensi dan pihak berkepentingan dalam aktiviti penanaman pokok bakau. - *Bernama*